

03/11/2001

Ye Wei terima habuan terbesar

Lukman Salleh

KEJAYAAN memenangi empat pingat emas - tiga individu dan satu berpasukan - di Sukan Sea XXI September lalu, membolehkan ratu gimnas berirama Goh Ye Wei (gambar) muncul penerima terbanyak Skim Hadiah Kemenangan Sukan (Shakam) Majlis Sukan Negara (MSN).

Dalam majlis gemilang meraikan kejayaan kontinjen negara di Sukan Sea XXI, Ye Wei menerima sejumlah RM16,666 daripada tetamu kehormat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Mutiara, malam tadi.

Turut hadir, Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein; Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Tan Sri Tunku Imran Tuanku Jaafar dan Ketua Pengarah MSN, Datuk Wira Mazlan Ahmad.

Ye Wei, meraih emas individu dalam acara keseluruhan individu, disiplin gelung, belantan dan berpasukan.

Ratu gimnas ini adalah antara 155 atlit yang menerima ganjaran masing-masing hasil kejayaan cemerlang menyumbang sejumlah 111 emas bagi membolehkan kontinjen negara muncul juara keseluruhan Sukan Sea XXI buat pertama kali dalam sejarah.

Antara penerima terbanyak termasuklah 'Raja Wushu' Sukan Sea XXI, Oh Poh Soon dengan sejumlah RM15,000 hasil tiga emas disumbangkannya, manakala Ratu Terjun Leong Mun Nyee juga memperolehi RM15,000 (empat emas) dan ratu bowling Shalin Zulkifli pula mendapat habuan RM14,832 (empat emas).

Perenang kontroversi, Anthony Ang pula pulang dengan RM13,250 hasil tiga emas dan satu rekod Sukan Sea, manakala Atlit Lelaki Terbaik temasya XXI ini, Mohd Qabil Ambak Mahamad Fathil pula menerima RM12,500.

Bagi skim Shakam, MSN terpaksa mengeluarkan sejumlah RM608,984 daripada keseluruhan RM775,500 bagi skim hadiah kemenangan ini.

Sementara itu, bagi ketika-tiga kategori di bawah skim hadiah kemenangan ini - Shakam, skim galakan jurulatih (SGAR) dan skim pengurusan sukan (Sikap), akuatik menjadi penerima terbanyak dengan sejumlah RM127,500.

Kesatuan Akuatik Amatur Malaysia menerima RM96,000 bagi Shakam dengan atlitnya menyumbangkan 19 pingat emas, RM19,000 (SGAR) dan RM9,500 bagi Sikap.

Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF) pula memperolehi sejumlah RM106,000, di mana RM82,000 bagi Shakam bagi sejumlah 16 emas yang disumbangkan gimnasnya, RM16,000 (SGAR) dan RM8,000 (Sikap).

Persekutuan Karate-di Malaysia (Makaf) pula menerima RM58,500 dengan RM45,000 (Shakam) RM9,000 (SGAR) dan RM4,500 (Sikap).